

SH 8/8/2019 M/S 33

90 buah bubu naga disita

SITIAWAN - Jabatan Perikanan Perak menyita sebanyak 90 bubu naga yang ditemui di Jeti Nelayan Pantai Remis kelmarin.

Ketua Pangkalan Utama Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) Kampung Acheh, Mansor Yobe berkata, pihaknya menerima aduan daripada Fishcom Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Putrajaya mengenai aktiviti bubu naga.

Menurutnya, empat anggota ke kawasan Pantai Remis pada jam 9.30 pagi untuk pemeriksaan.

“Setiba di lokasi Jeti Nelayan Pantai Remis, anggota menemui 90 buah bubu naga di atas tiga sampan tidak bernombor yang diikat di jeti tanpa pemilik sampan.

“Kesemua bubu naga yang berukuran enam meter itu disita mengikut Seksyen 49 Akta Perikanan 1985,” katanya dalam kenyataan kepada media semalam.

Mansor berkata, nilai sitaan dianggarkan berjumlah RM7,200 dan peralatan bubu naga yang disita disiasat mengikut Seksyen 11(3) (c) Akta Perikanan 1985.



Bubu naga yang ditemui di dalam sampan yang tiada pemilik disita Jabatan Perikanan Perak.